

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Oktober/November 1991

PLG 421 - Pengurusan Pendidikan

Masa : [3 jam]

Jawab 4 Empat soalan sahaja.

1. Merujuk kepada Carta Organisasi Kementerian Pendidikan Malaysia yang disertakan bersama-sama Soalan 1, huraikan pentadbiran pendidikan di peringkat Pusat. Terangkan secara ringkas fungsi-fungsi

- (a) Bahagian Sekolah-Sekolah,
- (b) Bahagian Pendidikan Guru, dan
- (c) Pusat Perkembangan Kurikulum

(25 markah)

2. Berita-berita mengenai keseksaan murid dalam surat khabar tempatan telah membuktikan bahawa ramai pengetua sekolah serta guru tidak faham syarat-syarat hukuman dera yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Terangkan syarat dan prosedur untuk merotan seorang murid. Bincangkan pandangan anda terhadap hukuman dera sebagai satu tindakan untuk menyelesaikan masalah disiplin di sekolah.

(25 markah)

3. "Fungsi dan peranan nazir sekolah sebagai satu badan profesional di Malaysia tidak berkesan lagi dengan penyusunan semula pentadbiran pendidikan di peringkat-peringkat Pusat, Negeri dan Daerah semenjak tahun 1970". Dapatkan kenyataan itu diterima oleh anda. Berikan pandangan anda.

(25 markah)

4. Huraikan tindakan-tindakan yang patut diberi perhatian dalam pentadbiran sekolah untuk mencapai objektif "kehidupan yang sihat di sekolah".

(25 markah)

...2/-

5. Terangkan bagaimana kefahaman proses komunikasi oleh seorang pentadbir dapat meningkatkan lagi keberkesanannya sebagai pemimpin.

(25 markah)

6. Apakah tujuan motivasi? Bincangkan bagaimana motivasi boleh diguna oleh pengetua sekolah untuk mendorong guru-guru di sekolahnya supaya mereka boleh menjadi guru yang berdedikasi, bertanggungjawab, cekap, dan berkesan.

(25 markah)

- oooOooo -

Organisasi sistem pentadbiran pendidikan kebangsaan di Malaysia



